**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 28 Sep 2020 (Isnin)

**Kosmo**
Jenama PN dapat sambutan, diterima pengundi sabah 1

**Sinar Harian**
Masalah air makin kritikal 2
PKNS tawar diskaun beli rumah sehingga 20 peratus 3
Harimau Kumbang buru keputusan positif baki perlawanan 4

**The Star**
Concerted efforts to curb dengue spread 5
MPKj launches online platform for building use application 6
TAX REBATE 7
Sea Park residents want new traffic study for condo project 8

**New Straits Times**
Water polluters in Selangor to face minimum RM200,000 fine 9

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>28 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Jenama PN dapat sambutan, diterima pengundi sabah |
| Muka Surat | : | 5 |

# Jenama PN dapat sambutan, diterima pengundi Sabah

**KUALA LUMPUR** – Kejayaan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah kelmarin menyaksikan penerimaan rakyat negeri itu kepada Perikatan Nasional (PN).

Ini dibuktikan apabila peratus kemenangan calon PN dalam pilihan raya bekenaan mencecah sehingga 58.6 peratus.

Penganalisis politik, Dr. Kamarul Zaman Yusoff berkata, PN menang 17 daripada 29 kerusi ditandingi dalam pilihan raya tersebut.

"Peratus kemenangan calon Barisan Nasional (BN) pula sebanyak 34.1 peratus iaitu kemenangan 14 daripada 41 kerusi ditandingi.

"Apakah data-data ini menunjukkan bahawa jenama PN walaupun lebih baharu adalah lebih laku berbanding jenama BN yang lebih lama?

"Jika benar jenama PN adalah lebih laku berbanding jenama BN, apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada fenomena ini?" katanya dalam satu hantaran di akaun Facebook beliau semalam.

Dalam pada itu, Ketua Penerangan PN, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, keputusan PRN Sabah turut membuktikan keyakinan rakyat terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan kerjasama erat antara PN dan GRS.

"PN akan menggalas mandat ini dengan tekad dan iltizam untuk menjana usaha pembangunan serta mencerdaskan ekonomi pasca pandemik Covid-19.

"Selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama, negeri dan rakyat Sabah akan menikmati pembangunan yang inklusif, saksama dan berkualiti," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Terdahulu, Mohamed Azmin berkata, keputusan PRN Sabah menyaksikan kematangan rakyat Sabah menjunjung semangat federalisme demi kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.

Menurut beliau, mandat yang diberikan oleh rakyat Sabah jelas membuktikan rakyat memilih sebuah kerajaan negeri yang prihatin, inklusif dan menjamin kedaulatan negeri serta keselamatan rakyat.

Tambah beliau, kemenangan itu pasti akan menyemarak kerjasama yang lebih utuh dalam PN.




**KEHADIRAN Perikatan Nasional sebagai sebuah pakatan politik baharu mendapat sokongan pengundi tempatan.** – GAMBAR HIASAN

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR 28 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Masalah air makin kritikal |
| Muka Surat | : | 24 |

# Masalah air makin kritikal

Penduduk harap ada penyelesaian terhadap isu yang berlarutan sejak dua tahun lalu

**Oleh NORAFIZA JAAFAR**

**KUALA LUMPUR**

Sebahagian penduduk Blok 41 Projek Perumahan Rakyat (PPR) Gombak Setia di sini terpaksa berdepan masalah gangguan air tidak berjadual yang berterusan sejak dua tahun lalu.

Penduduk mendakwa, keadaan itu membelenggu penghuni di pintu 17 hingga 24 di semua aras dan ada kalanya berlaku pada tempoh tertentu mengambil masa dua hingga tiga jam atau sepanjang hari.

Bagaimanapun, keadaan itu didakwa semakin kritikal selepas kerja mencuci tangki dilakukan apabila hampir setiap hari penduduk berdepan gangguan air.

Penduduk, Rosnita Abdul Kadir Jailani, 44, berkata, masalah sama berlaku kelmarin di kediamannya di tingkat 13 dari jam 10 malam hingga 7 pagi dan keadaan itu turut menyukarkan 168 keluarga lain terutama mereka yang mempunyai penghuni ramai, warga emas dan anak kecil.

"Hampir semua rumah akan menyimpan air sehingga memenuhi ruang bilik air dan ada yang terpaksa mengangkut air dari tangki yang disediakan di bawah unit ini jika tidak mencukupi," katanya kepada *Sinar Harian* kelmarin.

Seorang lagi penduduk, Ismail Kadir, 58, yang tinggal bersama 11 ahli keluarga lain termasuk tiga cucu mengakui berdepan kesulitan setiap kali berlaku gangguan air apatah lagi mereka sekeluarga tidak diberikan sebarang notis.

"Rumah saya pernah tiga hari tiada air, pernah juga seharian kami anak-beranak tidak mandi. Kalau lebih enam jam terpaksalah kami mengangkut air dari bawah," katanya.



**Sebahagian penduduk berkumpul meluahkan masalah gangguan bekalan air dihadapi mereka yang semakin kritikal sejak kebelakangan ini.**

Ketua Blok 41 PPR Gombak Setia, Khair Nasaruddin Mohd Khair berkata, isu tersebut telah dikemukakan kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan juga Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Santhara Kumar dalam usaha memulihkan gangguan air tidak berjadual itu.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan ketika mengulas perkara itu berkata, ia berpunca akibat tekanan air rendah dan pihaknya dimaklumkan gangguan dilaporkan berlaku setiap minggu melibatkan penghuni di tingkat 12 hingga 16.

"Saya sudah meminta pegawai Pengurusan Air Selangor turun bersama DBKL berjumpa jawatankuasa penduduk bagi mencari penyelesaian masalah tersebut," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**28 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | PKNS tawar diskaun beli rumah sehingga 20 peratus |
| Muka Surat | : | 24 |

# PKNS tawar diskaun beli rumah sehingga 20 peratus



Komuniti setempat menyertai acara berbasikal yang dianjurkan sempena Kempen Promosi 48 Jam Mesti Beli@Antara Gapi di Tasik Antara Gapi, Serendah kelmarin.

**HULU SELANGOR –** Pembeli projek perumahan Antara Gapi, Serendah menikmati diskaun sehingga 20 peratus menerusi kempen promosi 48 jam Mesti Beli@Antara Gapi yang bermula pada 26 September sehingga semalam.

Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Siti Zubaidah Abd. Jabar berkata, promosi istimewa selama dua hari itu merupakan siri 48 Jam Mesti Beli keenam tahun ini yang dianjurkan oleh PKNS bagi menarik lebih ramai pembeli untuk datang dan menikmati tawaran istimewa seperti diskaun sehingga 20 peratus untuk projek terpilih.

Menurutnya, siri 48 Jam Mesti Beli sebelum ini berjaya merekodkan jualan sebanyak RM21 juta.

"Kami berharap kejayaan yang sama dapat dicapai pada siri kali ini khususnya projek yang terletak di Antara Gapi," katanya ketika ditemui selepas Kempen Promosi 48 Jam Mesti Beli@Antara Gapi di Tasik Antara Gapi, Serendah di sini kelmarin.

Beliau berkata, terdapat tiga projek iaitu Azhara, Cassia, Lavender dan dua pusat komersial terlibat untuk promosi 48 jam Mesti Beli@Antara Gapi.

"Kesemua projek perumahan ini merupakan rumah berkembar dua tingkat berkeluasan dari 2,375 kps dan telah sedia untuk diduduki.

"Pengunjung yang membuat tempahan dan pembelian hartanah sepanjang tempoh promosi akan menikmati tawaran diskaun sehingga 20 peratus dan percuma yuran guaman SPA serta duti setem MOT," katanya.

Menurutnya, Antara Gapi terletak di Serendah, Selangor dan dikelilingi pemandangan hijau semula jadi sesuai bagi mereka yang menginginkan ketenangan dan kedamaian.

"Kawasan mempunyai akses yang mudah ke Stesen Komuter Serendah dan dihubungkan oleh Jalan Persekutuan Rawang bypass Kuala Lumpur," katanya.

Projek perumahan Antara Gapi di Serendah boleh dianggap antara projek penempatan terbaik yang ditawarkan PKNS dengan pelbagai prasarana dan kemudahan lengkap.

Sejak dibuka pada 1995 dengan keluasan keseluruhan 385.50 hektar melibatkan enam seksyen, sebanyak 1,947 unit rumah kediaman dan 111 unit kedai dibangunkan di Antara Gapi.

Projek pembangunan itu siap tahun ini dan mendapat sambutan menggalakkan dengan jualan hampir 70 peratus.

Akses yang menghubungkan bandar-bandar utama di kawasan sekitar termasuk ke Kuala Lumpur merupakan ciri utama yang menggamit pembeli untuk memiliki kediaman Antara Gapi.

Antara Gapi merupakan antara bandar baharu yang dibina oleh PKNS dengan menghubungkan Bernam Jaya dan Kota Puteri.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**28 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Harimau Kumbang buru keputusan positif baki perlawanan |
| Muka Surat | : | 39 |

# Harimau Kumbang buru keputusan positif baki perlawanan



Pemain Pulau Pinang, Changhoon Lee (kanan) diasak pemain UKM FC, Mohd Irwan Syazmin Wahab pada perlawanan di Stadium Selayang petang kelmarin.

**PULAU** Pinang bertekad memanfaatkan satu aksi terakhir di laman sendiri dengan keputusan positif dari dua baki liga dalam misi mencipta sejarah merangkul kejuaraan Liga Premier selepas bangkit menewaskan UKM 2-1 di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, petang kelmarin.

Menurut pengendali Harimau Kumbang, Manzoor Azwira Abdul Wahid, biarpun objektif saingan musim ini untuk layak ke saingan Liga Super 2021, namun beliau mahu pemain-pemain Pulau Pinang memberikan sepenuh tumpuan kepada dua baki perlawanan berkenaan.

"Syukur alhamdulillah, kami berjaya membawa pulang tiga mata dari tempat lawan biarpun menentang UKM FC ini bukan satu perlawanan yang mudah.

"Kemenangan ke atas UKM ini sekali gus membolehkan skuad Harimau Kumbang mengungguli saingan liga dengan kelebihan tiga mata dan jaringan berbanding pesaing terdekat Kuala Lumpur.

"Apa pun masih terdapat dua perlawanan lagi yang tidak kurang sengitnya, perlu diberikan perhatian serius oleh pemain-pemain terutamanya apabila beraksi di laman sendiri nanti.

"Sememangnya menjadi harapan semua pasukan tidak terkecuali Pulau Pinang dalam melakarkan kemenangan terakhir perlawanan liga di tempat sendiri," katanya.

Pada aksi petang kelmarin itu, anak buah Manzoor Azwira terlebih dulu dikejutkan UKM FC hasil jaringan penyerang import tuan rumah, Akanni-Sunday pada minit ke-17.

Namun Harimau Kumbang bangkit pada babak kedua hasil jaringan peledak dari Brazil, Casagrande pada minit ke-48 sebelum sepakan penalti Endrick Dos Santos (66') menoktahkan kemenangan pelawat.

Pulau Pinang selepas ini akan menerima kunjungan Kelantan United di Stadium Bandaraya pada Jumaat ini sebelum berkunjung ke Kuala Terengganu menentang Terengganu FC II di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah pada 9 Oktober.

Pada masa sama Manzoor Azwira mengakui masih terdapat beberapa penambahbaikan perlu dilakukan walaupun Harimau Kumbang sudah meraih slot ke saingan liga elit bola sepak negara tahun depan.

"Kami akan menggunakan segala ruang yang ada ini bagi meningkatkan prestasi pemain-pemain sebagai persediaan mengharungi saingan Piala Malaysia pula selepas ini

"Apa pun saya mahu pemain mengambil satu perlawanan ke satu perlawanan pada masa sama mengibaratkan setiap perlawanan umpama perlawanan akhir," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 28 September 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | MPKj launches online platform for building use application |
| Muka Surat | : | 2 |

# MPKj launches online platform for building use application

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

KAJANG folk wanting to start a kindergarten, nursery or care centre can apply to change the building's use via Kajang Municipal Council's (MPKj) newly introduced "We Care Online" system.

MPKj is preparing for an increase in applications for such businesses in the coming years, as the population of children and senior citizens is expected to rise.

According to MPKj data, Kajang has a population of over 1.3 million.

It is projected that in five years' time, there will be 111,880 children and 78,316 senior citizens.

And by 2035, the numbers are expected to increase to 135,010 children and 94,507 senior citizens.

MPKj foresees the need for at least 808 such premises by 2035.

As of last year there were 579 such businesses registered.

At the launch of "We Care Online", MPKj president Datuk Zulkefli Khalid said the council had received many applications for change of building use for the purpose of setting up a kindergarten or care centre.

He noted that the customary method of applying over the counter took about 50 minutes per applicant.

"That was minus the time the applicant spent travelling to MPKj headquarters and looking for a parking space, as well as logistical costs.

"Our standard processing time was 30 days per application," he pointed out.



Zulkefli (centre) showing how the We Care Online system can be accessed via smartphone during the launch at Menara MPKj. With him are MPKj Planning Development Department director Datuk Nizam Sahari (left) and deputy president Mohd Raiz Radzuan.

"With the new system, every application can be processed in 20 days.

"Upon receiving the complete set of documents, our staff will notify the neighbouring buildings' occupants about the application and ask if there are any objections.

"If there is no objection in 14 days, the application will be approved immediately and the applicant can proceed to apply for the business licence.

"However, if the council receives objections within the stipulated period, we will call for an objection hearing," he explained.

Zulkefli said applicants could check the status of their applications online and once approved, payment could be made via the same platform.

"The approval letters will be issued digitally too. There is no need for an applicant to come to our office.

"So, applications can be done from anywhere, at any time," he highlighted.

He said the website would make MPKj's work more efficient and customer-friendly.

"There are over 700 such businesses in areas under MPKj jurisdiction.

"From the total, 412 are licensed. So far, the details of 153 businesses are in the "We Care Online" system.

"The system also serves as a database on the businesses. The public will be able to access relevant information on the registered kindergartens, nurseries and care centres in the municipality, such as their locations," he added.

Go to www.mpkj.gov.my to access "We Care Online"

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 28 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | TAX REBATE |
| Muka Surat | : | 2 |

# TAX REBATE

Houseowners who have made their homes more environmental-friendly will be eligible for assessment tax rebates from the Petaling Jaya City Council (MBPJ) until Oct 16. Download the form at https://bit.ly/33j6FOb. For details, call MBPJ Solid Waste Management and Public Cleansing Department at 03-7954 1440.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 28 September 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Sea Park residents want new traffic study for condo project |
| Muka Surat | : | 4 |

# Sea Park residents want new traffic study for condo project

By C.Y. LEE
chenyoong@thestar.com.my

RESIDENTS of Sea Park in Petaling Jaya are concerned that a traffic study done last year for a high-rise condominium project may have overlooked crucial points.

They fear the project, comprising two 29 and 24-storey blocks, will worsen the situation at the already congested roads leading out of the neighbourhood.

Residents said the traffic impact assessment report for the project, consisting of nine survey points, failed to take into account the mainly one-way and narrow roads in the area.

"The entrance of the development is along Jalan 21/19 and is within the one-way street system.

"They have missed out on the egress of the project which leads to Jalan 2/35," said resident JT Wong.

Residents are up in arms over the project, with 57.8% within a 3km radius objecting to the development in a survey last November.

Meanwhile, 88.9% of businesses in the commercial area were also against the project.

Damansara MCA division chief Tan Gim Tuan questioned how the development was given the green light when some 60% of residents were opposed to it.

Tan pointed out that just because the developer had submitted a proposal that fulfilled Petaling Jaya City Council (MBPJ) guidelines, it should not mean automatic approval could be granted as the city council had discretionary powers to look into the social impact of the project.

"The residents deserve another hearing with the authorities and want to submit an independent traffic impact report," he told a press conference at the site yesterday.



Sea Park residents are opposed to the high-rise development in the area, saying it will worsen traffic congestion. — SAMUEL ONG/The Star

Section 21 Rukun Tetangga (RT) chairman Gan Keng said Sea Park residents' main concern was traffic congestion.

"We are not against redeveloping the area.

"If the conditions are agreeable, we would support the project. However, an additional 420 units for the development will cause many more problems for residents and businesses here.

"Ever since the site was hoarded up on Sept 11, the carpark which could accommodate around 50 cars is no longer available.

"Business operators and their workers are now forced to take up the limited council parking spaces, reducing the number of bays available to visitors," he said.

Section 21 RT secretary James Chan said the project would also affect areas beyond Sea Park, such as Taman Paramount, SS2 and Section 22.

"This kind of development does not suit Sea Park because it is a very old neighbourhood," he said, adding that the infrastructure would not be able to cope with the new development.

"Who will want to come here if there is not enough parking?" Chan questioned.

He said residents were invited by the authorities to provide their input on two occasions, but they had yet to hear from them.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>28 September 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | New Straits Times |
| Tajuk Berita | : | Water polluters in Selangor to face minimum RM200,000 fine |
| Muka Surat | : | 10 |



*Phase 1 of the Sungai Selangor Water Treatment Plant. Laws and enactments are being strengthened to protect this vital resource.* PIC BY SHAHMI IMRAN

# Water polluters in Selangor to face minimum RM200,000 fine

**KUALA LUMPUR**

THOSE who cause river pollution in Selangor will face a minimum fine of RM200,000, but not exceeding RM1 million, and a jail term of up to three years, following an amendment to the Selangor Water Management Authority (LUAS) Enactment 1999.

Under the current Section 70 of the LUAS Enactment, anyone caught polluting water is liable to a fine not exceeding RM100,000 or a jail term of up to three years, or both, and a further fine of RM5,000 for each day the offence is continued after a notice by LUAS requiring compliance has been served.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said LUAS was improving the LUAS Enactment 1999 and a bill would be tabled at the next state assembly sitting to address river pollution.

"The improved LUAS legislation will cover all aspects of the state's water resource management, especially in strengthening the laws to enable higher fines for polluters.

"The Department of Environment is also reviewing and amending the Environmental Quality Act 1974 for stricter punishment for water polluters."

The text of his speech was read out by state Infrastructure and Public Utilities, Modernisation of Agriculture and Agro-based Industry Committee chairman Izham Hashim at the state-level World Rivers Day celebration and the launch of the Friends of River Initiative in Subang Jaya, near here, on Saturday.

Amirudin said the executive council had decided that LUAS set up a team to improve monitoring of water resources and river basins to boost enforcement.

He said LUAS' Skuad Pantas would conduct 24-hour monitoring in vital water areas in the Sungai Selangor, Sungai Langat and Sungai Klang basins to prevent pollution and minimise disruption to water treatment plants' operations.

"The establishment of this squad is to strengthen the state government's initiative, Op Sumber Air, which started in March with various agencies.

"Seven pollution incidents that could have disrupted water treatment plants (yellow code) and water supply were stopped through Op Sumber Air. We hope monitoring and enforcement will be more stringent with this squad." **Bernama**